

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	19 June 2015

Tangani penurunan ketibaan pelancong

'Quick wins' dilaksanakan - TPM

Oleh MOHD. ASRON MUSTAPHA
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 18 JUN

MALAYSIA dijangka melaksanakan beberapa langkah 'quick wins' bagi menangani penurunan kadar ketibaan pelancong ke negara ini yang merosot sebanyak 8.6 peratus bagi suku pertama tahun ini.

Antara strategi yang diberi perhatian ialah meningkatkan kerjasama dengan syarikat penerbangan antarabangsa, misi galakan taktikal bersama penggiat industri di negara tertentu serta memperhebatkan promosi secara digital.

Selain itu, pengecualian visa kepada pelancong China, meningkatkan kerjasama promosi di negara berkenaan antara kementerian dan agensi serta penganjuran Seminar Pendidikan Malaysia untuk Media Asing juga akan dijayakan.

Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pelancongan di Parlimen yang dilangsungkan secara tertutup bagi membincangkan perkara tersebut hari ini, dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Yang turut serta dalam mesyuarat itu Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed



MUHYIDDIN YASSIN mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pelancongan di bangunan Parlimen, Kuala Lumpur, semalam. Turut hadir, Nazri Aziz (kanan) dan Liow Tiong Lai (kiri). - BERNAMA

Nazri Abdul Aziz, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai serta Menteri Komunikasi dan Mul-

timedia, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.

Dalam pada itu, Kementerian

Pelancongan dan Kebudayaan menerusi satu kenyataan menjelaskan, industri pelancongan negara

kekal berdaya tahan dengan mencatat peningkatan positif kedatangan pelancong tahun lalu berbanding 2013.

"Tahun Melawat Malaysia 2014 merupakan tahun paling mencabar bagi industri pelancongan negara dengan beberapa insiden seperti tragedi MH370 dan MH17, nahas pesawat Air Asia QZ8501, isu penculikan dan keselamatan perairan Sabah serta kejadian banjir yang melanda beberapa negeri di Malaysia.

"Tetapi berdasarkan laporan Barometer World Tourism Organization (UNWTO), Malaysia berjaya mengekalkan kedudukan di tangga ke-13 bagi tahun 2014 dari segi pendapatan pelancongan antarabangsa," jelas kenyataan itu.

Menurut kenyataan sama, Malaysia menerima seramai 27.4 juta pelancong asing pada 2014 iaitu peningkatan sebanyak 6.7 peratus berbanding prestasi tahun 2013 yang mencatatkan sejumlah 25.7 juta pelancong asing.

Peningkatan itu secara langsung telah menyumbang kepada pertumbuhan pendapatan pelancongan kepada negara sebanyak RM72 bilion iaitu meningkat 10 peratus dari perolehan tahun 2013 yang mencatat RM65.4 bilion.

Um - 19/6/2015